

Malaysia, Thai setuju tubuh JDA

Ⓟ

BH 26 MAR 1990

Oleh IBRAHIM YAHAYA

PATTAYA, Ahad — Malaysia dan Thailand akan menandatangani perjanjian penubuhan Lembaga Pembangunan Bersama (JDA) menjelang sidang Parlimen akan datang, berikutan kejayaan rundingan kedua-dua pihak malam tadi.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, dalam rundingan yang diadakan hingga awal pagi ini, kedua-dua pihak berjaya menyelesaikan beberapa perkara berhubung dengan perundangan dan kedaulatan.

"Walaupun kita tidak dapat menandatangani perjanjian itu semalam, kita dapat menyelesaikan masalah itu malam tadi.

"Perjanjian itu akan ditandatangani tidak lama lagi menjelang persidangan Parlimen, Jun depan," katanya dalam sidang akhbar bersama dengan rakan sejawatnya, Jeneral Tun Chaticai Choonhavan, di Ste-

sen Udara U-Tapao, 40 kilometer dari sini, sebelum berlepas pulang.

Menjawab soalan, Perdana Menteri menerangkan perjanjian untuk membangunkan kawasan bersama itu hanya membabitkan "sumber-sumber bukan hidup".

Semalam, rundingan di antara kedua-dua negara menghadapi jalan buntu kerana masalah perundangan dan kedaulatan. Dalam rundingan selama enam jam bermula jam 8.30 malam tadi, perwakilan Malaysia diketuai oleh Ketua Pengarah Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri, Datuk Zainol Mahmood.

Datuk Seri Dr Mahathir dalam rangka lawatan dua hari ke Thailand mulai Sabtu lalu. Pagi ini, beliau melawat Pelabuhan Laem Chabang dan Kompleks Perindustrian Map Ta Phut.

Perdana Menteri yang berpuashati dengan lawatan dan rundingan di antara kedua-dua negara itu, berkata pelbagai perkara dapat dibincangkan dan beberapa persetujuan dicapai bagi kepentingan bersama.

"Hubungan kedua-dua negara yang terjalin sejak dulu lagi akan dapat dipertingkatkan lagi pada masa akan datang. Pelbagai bidang kerjasama boleh diadakan bagi faedah bersama," katanya.

Mengenai pelancongan, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, mesyuarat bersetuju meningkatkan kerjasama di bidang itu, terutama menggunakan perkhidmatan Orient Express dari Singapura bagi mempercepatkan usaha ke arah itu.

Perkhidmatan itu akan melalui Semenanjung Malaysia ke Bangkok dan Chiangmai.